

CEO Kumpulan The Edge dipanggil bantu siasatan

KUALA LUMPUR - Penerbit dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan The Edge, Ho Kay Tat, dipanggil polis, semalam, bagi membantu siasatan berhubung artikel mengenai 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang disiarkan dalam akhbar *The Edge Financial Daily* pada Isnin lalu.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar mengesahkan perkara tersebut kepada *Sinar Harian*.

“ Saya sahkan beliau dipanggil untuk membantu siasatan berhubung artikel mengenai 1MDB.”
- KHALID

“Saya sahkan beliau dipanggil untuk membantu siasatan,” katanya menerusi aplikasi



WhatsApp.

Difahamkan beliau ditahan bagi membantu siasatan berhubung dakwaan berkaitan aktiviti menjejaskan demokrasi berparlimen. Kes disiasat mengikut

Seksyen 124 Kanun Keseksaan.

Isnin lalu, The Edge Media Group telah menyerahkan dokumen, e-mel bercetak dan cakera keras yang dimilikinya mengenai isu 1MDB kepada Bank Negara.

Sebelum itu, Jabatan Imigresen telah menyekat beberapa individu daripada keluar negara seperti Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Tony Pua dan Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli.